

**Laporan WSJ 'berniat jahat', kata menteri Umno  
The Malaysian Insider  
July 3, 2015**

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan menjadi menteri Umno pertama mempertahankan Datuk Seri Najib Razak berikutan pendedahan Sarawak Report dan Wall Street Journal (WSJ) berhubung berbilion ringgit dipam ke dalam akaun bank perdana menteri.

Rahman, melalui akaun Twitter @mpkotabelud, menyelar WSJ, berkata beliau terkejut dengan dakwaan yang hanya menggunakan "penyiasat yang tidak bernama" sebagai sumber maklumat.

"Saya terkejut dengan dakwaan melampaui batas WSJ itu. Jika mereka benar-benar serius mengenai kesahihan, laporan itu sepatutnya menamakan sumber," tulis beliau.

"Saya berharap WSJ tidak menggunakan dokumen berniat jahat dan diubah dalam laporan mereka. Itu adalah hari yang menyedihkan bagi kewartawanan.

"Memetik kata-kata 'penyiasat yang tidak dinamakan' sebagai asas laporan adalah fitnah, WSJ tenggelam ke tahap murahan kewartawanan Sarawak Report."

Ahli Parlimen Kota Belud juga mengambil taruhan daripada pengikut yang berkata beliau sanggup bertaruh RM500 yang sumber WSJ adalah Sarawak Report.

"@mpkotabelud RM500 saya katakan sumber AWSJ adalah Sarawak Report," kata pengguna Twitter Capt Rahmat.

Rahman membalas: "Saya terima RM500 anda, dan tambah lagi RM1,000!"

WSJ dan Sarawak Report hari ini mendakwa siasatan ke atas syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mendedahkan berbilion ringgit dipam ke dalam akaun-akaun peribadi Najib.

Kedua-duanya memetik daripada dokumen-dokumen siasatan 1MDB yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia, dengan Sarawak Report mendakwa Peguam Negara juga sedar akan maklumat tersebut.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hasan Malek hari ini menasihati orang ramai agar tidak mudah mempercayai berita yang tidak disahkan (WSJ) ketika diminta mengulas mengenai isu itu.

Mendakwa laporan itu tidak disahkan, Hasan enggan mengulas dan berkata semua soalan hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan bukan kepadanya.

"Kita tidak boleh mempercayai sesuatu yang tidak disahkan. Ia tidak sihat. Jika tidak disahkan, tiada keperluan bagi saya untuk memberi komen. Untuk mendapatkan komen, anda perlu bertanya kepada Kementerian Kewangan," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya. – 3 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/menteri-umno-pertahan-najib-kutuk-laporan-wsj-berniat-jahat>